



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



GARIS PANDUAN GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK BANTING SELANGOR KALI KE-14 TAHUN 2025



**11 OGOS 2025 ISNIN
DEWAN AL-JAZARI
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
SHAH ALAM, SELANGOR**

ISI KANDUNGAN

MAKLUMAT UMUM	3
TINDAKAN OLEH GRADUAN	
• SEBELUM MAJLIS KONVOKESYEN	4
• SEMASA MAJLIS RAPTAI KONVOKESYEN	4
• SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN	5
• SELEPAS MAJLIS KONVOKESYEN	5
RAPTAI KONVOKESYEN & MAJLIS ANUGERAH KETUA JABATAN	6
BARKOD NAMA GRADUAN	7
PAKAIAN GRADUAN	8
YURAN GRADUASI	10
JUBAH GRADUAN	11
PENGAMBILAN TRANSKRIP DAN DIPLOMA	13
JEMPUTAN IBUBAPA/TETAMU GRADUAN	14
PAKEJ GAMBAR KONVOKESYEN	16
SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SKPG)	17
GARIS PANDUAN GRADUAN TIDAK HADIR KONVOKESYEN	19
LAMPIRAN 1 - ATURCARA RAPTAI KONVOKESYEN (PBS)	21
LAMPIRAN 2 - ATURCARA MAJLIS KONVOKESYEN (PSA)	22
LAMPIRAN 3 - PELAN LALULINTAS DAN TEMPAT LETAK KERETA DI PBS	23
LAMPIRAN 4 - PELAN LALULINTAS DAN TEMPAT LETAK KERETA DI PSA	24

MAKLUMAT UMUM

Pemakluman umum berkenaan pelaksanaan Majlis Konvokesyen Politeknik Banting Selangor (PBS) kali ke-14 2025 :

1. Majlis Konvokesyen ini melibatkan pelajar yang bergraduat pada **Sesi II: 2023/2024 dan I: 2024/2025**.
2. Majlis konvokesyen akan diadakan di Dewan Al-Jazari, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA).
3. Hanya **TIGA (3)** orang ahli keluarga/penjaga yang dibenarkan untuk mengiringi graduan semasa majlis konvokesyen.
4. Graduan perlu mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak Politeknik, selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).



TINDAKAN OLEH GRADUAN

SEBELUM MAJLIS KONVOKENSYEN

1. Mengesahkan kehadiran ke majlis konvokesyen melalui pautan <https://www.polibanting.edu.my/konvo> **SEBELUM 4 OGOS 2025.**
2. Graduan yang tidak mengesahkan kehadiran dalam tempoh yang ditetapkan **TIDAK** dibenarkan untuk menghadiri majlis konvokesyen.
3. Membayar yuran majlis konvokesyen sepenuhnya dan memuat naik bukti pembayaran melalui pautan/laman web yang sama **SEBELUM 4 OGOS 2025.**

SEMASA MAJLIS RAPTAI KONVOKENSYEN

1. Mencetak dan membawa **BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN MAJLIS KONVOKESYEN** pada majlis raptai.
2. Hadir tepat masa dan meletak kenderaan pada kawasan yang ditetapkan.
3. Mendaftar di kaunter pendaftaran graduan (DKU PBS).
4. Membuat semakan pendaftaran di Kaunter Tracer Study.
5. Menghadiri taklimat dan majlis raptai mengikut masa yang telah ditetapkan.
6. Mempamerkan Borang Pengesahan Kehadiran kepada JK Jubah untuk mengambil jubah di lokasi yang ditetapkan.
7. Menghadiri majlis Anugerah Pingat Ketua Jabatan bagi yang terlibat.

TINDAKAN OLEH GRADUAN

SEMASA MAJLIS KONVOKENSYEN

1. Hadir tepat masa dan meletak kenderaan pada kawasan yang ditetapkan.
2. Mendaftar di kaunter pendaftaran graduan (Dewan Kuliah Utama PSA).
3. Berpakaian mengikut garis panduan Pakaian Graduan.
4. Berjalan secara teratur ke dewan majlis bersama Pemandu Graduan.
5. Duduk di tempat yang telah ditentukan di dalam dewan majlis.

SELEPAS MAJLIS KONVOKENSYEN

1. Keluar dari dewan mengikut laluan yang telah dikhaskan.
2. Memulangkan jubah di kaunter pemulangan jubah.
3. Mengambil transkrip dan sijil Diploma di lokasi yang ditetapkan.

RAPTAI DAN MAJLIS ANUGERAH KETUA JABATAN

1. Semua graduan yang hadir ke majlis konvokesyen PBS **WAJIB** menghadiri majlis raptai konvokesyen dan majlis Anugerah Pingat Ketua Jabatan mengikut aturcara yang telah ditetapkan.
2. Pakaian graduan semasa raptai hendaklah kemas dan sopan (formal).
3. Sila rujuk aturcara majlis raptai seperti di LAMPIRAN 1.

BARKOD NAMA GRADUAN

1. Setiap graduan akan diberikan **SATU (1)** keping barkod/tag nama semasa pendaftaran graduan.
2. Barkod/tag nama ini digunakan untuk panggilan nama graduan dan paparan nama di skrin dalam dewan konvokesyen.
3. Pastikan barkod/tag nama dibawa semasa di dalam dewan konvokesyen.
4. Kegagalan berbuat demikian akan mengganggu perjalanan majlis dan graduan boleh dihalang untuk menaiki pentas.
5. Penalti kehilangan barkod/tag nama akan dikenakan bayaran RM5.

PAKAIAN GRADUAN

GRADUAN LELAKI

1. Pakaian kebangsaan lengkap (baju melayu **HITAM** atau **BIRU GELAP**, songkok, samping, berbutang lengkap), **ATAU**
2. Kemeja lengan panjang berwarna cerah, tali leher, seluar slack hitam. Pemakaian blazer/kot adalah sangat digalakkan.
3. Kasut bertutup **HITAM** dan berstokin.
4. Rambut kemas dan pendek.
5. Graduan yang berambut panjang/berekor/berwarna-warni **TIDAK** akan dibenarkan naik ke atas pentas.

GRADUAN PEREMPUAN

1. Pakaian kebangsaan dan tradisional (baju kurung, kebaya panjang, cheongsam, samfoo, sari), **ATAU**
2. Skirt labuh hingga ke buku lali, kemeja lengan panjang.
3. Tudung berwarna **PUTIH/KRIM** bagi yang beragama Islam.
4. Kasut bertutup **HITAM**.
5. Graduan yang memakai pakaian yang tidak sopan/menjolok mata/jarang/berbelah/ketat dan mendedahkan aurat **TIDAK** akan dibenarkan naik ke atas pentas.

PERHATIAN : Graduan yang gagal mematuhi peraturan pakaian TIDAK dibenarkan untuk memasuki dewan.

PAKAIAN GRADUAN

CONTOH PAKAIAN GRADUAN LELAKI



CONTOH PAKAIAN GRADUAN PEREMPUAN



PERHATIAN : Graduan yang gagal mematuhi peraturan pakaian TIDAK dibenarkan untuk memasuki dewan.

YURAN GRADUASI

1. Semua graduan, sama ada menghadiri majlis konvokesyen atau tidak, perlu menjelaskan yuran graduasi mengikut kadar berikut :

- Yuran Graduan Hadir : RM 300
- Yuran Graduan Tidak Hadir : RM 150

2. Pembayaran yuran graduasi boleh dilakukan ke akaun **KOPERASI POLITEKNIK BANTING SELANGOR BERHAD.**

Maklumat akaun pembayaran adalah seperti berikut:

Nama Bank : Bank Rakyat

No Akaun : 11-0180772-5

Reference 1 : KONVO KE 14 PBS

Reference 2 : NO. PENDAFTARAN

3. Graduan wajib mengemukakan bukti pembayaran/resit melalui pautan: Laman Web Politeknik Banting Selangor

<https://www.polibanting.edu.my/konvo>

JUBAH GRADUASI

PENGAMBILAN JUBAH

Pengambilan jubah adalah seperti berikut:

Tarikh : 10 Ogos 2025 (Ahad)

Masa : 12.00 tengahari

Tempat : Kaunter Pengambilan Jubah - PBS

PEMULANGAN JUBAH

Pemulangan jubah adalah seperti berikut:

Tarikh : 11 Ogos 2024 (Isnin)

Masa : 1:00 petang – 3:00 petang

Tempat : Kaunter Pemulangan Jubah - Cafe PSA

PEMULANGAN LEWAT JUBAH

Pemulangan jubah selepas 11 Ogos 2025 adalah seperti berikut:

Masa : Waktu Pejabat pada hari bekerja sahaja.

Tempat : JHEP, PBS

(Pemulangan lewat dikenakan bayaran - rujuk jadual Bayaran Lewat)

JUBAH GRADUASI

BAYARAN PEMULANGAN LEWAT/KEHILANGAN/KEROSAKAN JUBAH

Bayaran bagi pemulangan lewat jubah, atau kerosakan/kehilangan jubah adalah seperti di bawah :

PERKARA	JUBAH (RM)	MORTAR BOARD (RM)
Pemulangan lewat	50/hari	50/hari
Rosak / hilang	450	150

PENGAMBILAN JUBAH OLEH WAKIL

1. Sekiranya graduan tidak dapat hadir untuk pengambilan jubah, hanya wakil dalam kalangan graduan sahaja dibenarkan untuk mengambil jubah.
2. Wakil perlu menunjukkan Borang Pengesahan Kehadiran graduan kepada JK Jubah semasa pengambilan jubah. Maklumat wakil perlu dinyatakan di kaunter Pengambilan jubah.
3. Setiap wakil hanya dibenarkan untuk membuat pengambilan jubah bagi **SEORANG** graduan sahaja.

PENGAMBILAN TRANSKRIP & DIPLOMA

1. Graduan boleh mengambil transkrip dan diploma masing-masing pada **11 Ogos 2025** (Isnin) bermula **jam 1:00 hingga 3:00 petang** di lokasi yang ditentukan (Cafe PSA).
2. Sijil dan diploma boleh diambil setelah set lengkap jubah dipulangkan dan semua bayaran tertunggak dengan PBS dijelaskan.
3. Graduan yang mempunyai bayaran tertunggak dengan PBS hendaklah menunjukkan resit/pengesahan pembayaran bagi mendapatkan transkrip dan diploma.
4. Graduan hendaklah mengemukakan Borang Pengesahan Kehadiran sebagai bukti semasa menuntut transkrip dan diploma.

JEMPUTAN IBUBAPA/TETAMU GRADUAN

1. Bilangan ibubapa/tetamu bagi setiap graduan yang dibenarkan masuk ke dewan majlis konvokesyen adalah **TIGA (3)** orang sahaja. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun **TIDAK** dibenarkan masuk.
2. Ibubapa/tetamu graduan perlu berpakaian rasmi dan sopan di dalam dewan majlis konvokesyen.
3. Ibubapa/tetamu graduan perlu berada di dalam dewan majlis konvokesyen mengikut masa aturcara majlis. Pintu masuk dewan akan ditutup setengah jam sebelum majlis bermula bagi melancarkan majlis.
4. Ibubapa/tetamu graduan perlu mengemukakan **PAS MASUK** untuk dibenarkan masuk ke dalam dewan.
5. Panduan pemakaian ibu bapa/tetamu graduan adalah seperti Rajah 1.

JEMPUTAN IBUBAPA/TETAMU GRADUAN

TETAMU LELAKI



Illustrations of male guests in appropriate attire (marked with green checkmarks): a green Baju Kebangsaan, a grey Lounge Suit, a red and white Batik, and a light blue shirt with a dark tie. Illustrations of inappropriate attire (marked with red X's): black dress shoes, blue jeans, a striped t-shirt, and sandals.

- ✓ Baju Kebangsaan. Atau
- ✓ Baju Batik. Atau
- ✓ Lounge Suit
- ✓ Kasut Bertutup
- ✗ Seluar Jeans
- ✗ Kemeja-T
- ✗ Sandal/Selipar/Kasut Sukan

TETAMU WANITA



Illustrations of female guests in appropriate attire (marked with green checkmarks): a red and white Kebaya, a light green Kurung, an orange and brown Kebaya, and a pink Kurung. Illustrations of inappropriate attire (marked with red X's): a dark blue sleeveless blouse, a blue skirt, blue jeans, a white short-sleeved blouse, and sandals.

- ✓ Baju Kebangsaan. Atau
- ✓ Baju Batik. Atau
- ✓ Baju Kurung atau
- ✓ Baju Kebaya atau
- ✓ Lounge Suit
- ✓ Kasut Bertutup
- ✗ Gaun atau skirt atas paras lutut
- ✗ Blouse tanpa lengan
- ✗ Kemeja-T
- ✗ Pakaian Jeans/Seluar
- ✗ Pendek/ Seluar Ketat
- ✗ Sandal/Selipar/Kasut Sukan

Rajah 1 : Panduan pemakaian ibu bapa/tetamu graduan

PAKEJ GAMBAR KONVOKESYEN

1. Graduan akan diberi Borang Pakej Fotografi di kaunter pendaftaran.
2. Pembayaran kos fotografi termasuk pakej gambar dan khidmat pos/ penghantaran.
3. Gambar konvokesyen hanya untuk graduan yang hadir sahaja.

PERINGATAN

1. **Jurugambar persendirian tidak dibenarkan memasuki Dewan Konvokesyen.**
2. **Graduan tidak dibenarkan swafoto semasa menerima diploma di atas pentas.**

SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SKPG)

1. Semua Graduan perlu melaksanakan Kajian Pengesanan Graduan sebelum konvokesyen dalam Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) melalui pautan :

<https://graduan.mohe.gov.my/SKPG25/LogMasuk.aspx>

2. Tarikh pengisian SKPG 2025 bagi graduan PBS:

1 Julai 2025 – 10 Ogos 2025

3. Graduan yang **WAJIB** mengisi SKPG ialah graduan yang bekerja (sepenuh masa/separuh masa) sekurang-kurangnya **SATU (1)** jam semasa minggu menjawab kajian untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri/freelance atau pekerja keluarga tanpa gaji.

4. Graduan belum bekerja juga **WAJIB** mengisi SKPG, sekiranya :

- Sedang menunggu penempatan pekerjaan (telah menerima tawaran pekerjaan).
- Sedang melanjutkan pengajian/sedang menunggu keputusan/penempatan untuk melanjutkan pengajian.
- Sedang mengikuti sebarang program bagi meningkatkan kemahiran diri/mengikuti kursus jangka pendek.

SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SKPG)

5. Graduan yang **TIDAK BEKERJA** tidak perlu mengisi borang SKPG, tetapi perlu mengisi borang berikut:

<https://bit.ly/SKPGPBSBelumBekerja2025>

6. Slip SKPG (untuk graduan yang mengisi kajian SKPG) atau Slip Graduan Belum Bekerja (untuk graduan yang mengisi borang graduan belum bekerja) perlu **dicetak dan dibawa semasa raptai** Konvokesyen pada **10 Ogos 2025** untuk disahkan oleh Pegawai Pengesanan Graduan. Kegagalan graduan membawa slip berkenaan akan menyebabkan graduan tidak dapat mengambil jubah konvokesyen.

7. Sila layari portal berikut untuk maklumat lanjut:

<https://sites.google.com/polibanting.edu.my/pengesanangraduanalumnipbs/>

GARIS PANDUAN GRADUAN TIDAK HADIR KONVOKESYEN

YURAN GRADUASI

1. Semua graduan, sama ada menghadiri majlis konvokesyen atau tidak, perlu menjelaskan yuran graduasi.
2. Yuran graduasi bagi graduan tidak hadir majlis konvokesyen adalah RM 150.
3. Pembayaran yuran graduasi boleh dilakukan ke akaun **KOPERASI POLITEKNIK BANTING SELANGOR BERHAD.** Maklumat akaun pembayaran adalah seperti berikut:

Nama Bank : Bank Rakyat
No Akaun : 11-0180772-5
Reference 1 : KONVO KE 14 PBS
Reference 2 : NO. PENDAFTARAN

4. Graduan wajib mengemukakan bukti pembayaran/resit melalui pautan: Laman Web Politeknik Banting Selangor
<https://www.polibanting.edu.my/konvo>

GARIS PANDUAN GRADUAN TIDAK HADIR KONVOKESYEN

PENGAMBILAN TRANSKRIP & DIPLOMA

1. Bagi graduan yang **TIDAK** menghadiri majlis konvokesyen/ belum mengambil transkrip dan diploma, boleh menuntut sendiri di Unit Peperiksaan, Politeknik Banting Selangor dengan mengemukakan salinan slip bayaran yuran graduasi.
2. Masa berurusan adalah pada hari bekerja sahaja.
3. Graduan perlu memastikan tiada bayaran/saman tertunggak sebelum menuntut sijil di Unit Peperiksaan.
4. Semakan dan pembayaran sebarang amaun tertunggak perlu dilakukan di Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) PBS.
5. Temujanji dengan Unit Peperiksaan perlu dibuat di ecertracking : <https://www.polibanting.edu.my/certracking/>

LAMPIRAN 1

ATURCARA PENDAFTARAN GRADUAN & TAKLIMAT RAPTAI MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-14 TAHUN 2025

TARIKH : 10 Ogos 2025 (Ahad)

TEMPAT : Dewan Kuliah Utama (DKU), Politeknik Banting Selangor

MASA	ATURCARA
8.00 pagi	Pendaftaran Graduan di DKU
8.15 pagi	Semakan Pendaftaran <i>Tracer Study</i>
10.00 pagi	Taklimat Raptai & Peraturan Konvokesyen <ul style="list-style-type: none">▪ Raptai Pergerakan Graduan Masuk ke DKU▪ Raptai Majlis Konvokesyen
12.00 tengah hari	Pengambilan Jubah Konvokesyen di Bilik Kuliah
2.00 petang	Pendaftaran Majlis Anugerah Pingat Ketua Jabatan
2.30 petang	Majlis Anugerah Pingat Ketua Jabatan
4.00 petang	Majlis Tamat

LAMPIRAN 2

ATURCARA MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-14 TAHUN 2025

TARIKH : 11 Ogos 2025 (Isnin)

TEMPAT : Dewan Al-Jazari, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)


MASA	ATURCARA
7.00 pagi	Pendaftaran Graduan di DKU, PSA
7.45 pagi	Kebenaran Masuk Ibu Bapa ke Dewan Al-Jazari
8.15 pagi	Ketibaan Dif-Dif Jemputan
8.30 pagi	Ketibaan Tetamu Kehormat
8.45 pagi	Perarakan Masuk Graduan ke Dewan Al-Jazari
9.15 pagi	<ul style="list-style-type: none">▪ Perarakan Masuk Akademik▪ Nyanyian Lagu Negaraku▪ Bacaan Doa▪ Ucapan Aluan Pengarah Politeknik Banting Selangor▪ Ucapan Tetamu Kehormat▪ Tayangan Multimedia▪ Penganugerahan Diploma Kejuruteraan Mekanikal▪ Persembahan▪ Penganugerahan Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)▪ Penganugerahan Diploma Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat▪ Penganugerahan Diploma Anumerta▪ Anugerah Akademik dan Ko-kurikulum▪ Anugerah Projek Terbaik▪ Anugerah Pengarah▪ Pengisytiharan Alumni▪ Nyanyian Lagu Politeknik Malaysia▪ Perarakan Keluar Akademik
12.30 tengah hari	Bersurai

LAMPIRAN 3

PELAN LALU LINTAS DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN TAKLIMAT & RAPTAI KONVOKESYEN

TARIKH: 10 Ogos 2025 (Ahad)

TEMPAT : Dewan Kuliah Utama (DKU), Politeknik Banting Selangor



LAMPIRAN 4

PELAN LALU LINTAS DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-14 TAHUN 2025

TARIKH : 11 Ogos 2025 (Isnin)

TEMPAT : Dewan Al-Jazari, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)



TAHNIAH GRADUAN PBS!!



GARIS PANDUAN GRADUAN

MAJLIS KONVOKESYEN

POLITEKNIK BANTING SELANGOR

KALI KE-14 TAHUN 2025

Untuk Pengesahan Kehadiran , sila layari
<https://www.polibanting.edu.my/konvo>

Disahkan oleh:



**PENGARAH
POLITEKNIK BANTING SELANGOR**